

Perlindungan hak cipta komponen penting pembangunan industri buku



Oleh Zaiha Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Fakulti Komunikasi
dan Pengajian
Media, Universiti
Teknologi MARA
(UITM)

Di tengah ledakan teknologi digital dan kepantasan penyebaran maklumat, buku masih kekal sebagai wahana utama membentuk pemikiran, memupuk budaya ilmu serta menggerakkan perkembangan tamadun manusia.

Justeru, sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia setiap 23 April bukan sekadar meraikan dunia perbukuan, tetapi mengingatkan masyarakat kepentingan budaya membaca dan perlindungan hak cipta bagi memajukan industri kreatif negara.

Walaupun teknologi digital memudahkan akses kepada maklumat dalam sekelip mata, buku tetap menawarkan pengalaman pembacaan lebih mendalam, tersusun dan berwibawa.

Melalui pembacaan buku, seseorang bukan sekadar menimba maklumat, malah berpeluang menyelami sesuatu isu dengan lebih mendalam, sekali gus memperkukuh keupayaan berfikir secara kritis, analitis dan matang.

Hakikatnya, perkembangan tamadun besar dalam sejarah manusia sentiasa didukung tradisi penulisan dan pembacaan kukuh. Dari zaman Yunani dan Rom hingga kepada kegemilangan tamadun Islam serta kebangkitan Eropah moden, buku menjadi wahana utama merakam, menyebarkan dan memindahkan ilmu, nilai serta pengalaman manusia merentas generasi.

Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia diperkenalkan UNESCO sejak 1995 menjadi lambang penghargaan terhadap sumbangan penulis dan penggiat industri buku menyebarkan ilmu, di samping meningkatkan kesedaran kepentingan perlindungan hak cipta adil.

Di Malaysia, sambutan ini diperkasakan melalui pelbagai program literasi dan kempen membaca digerakkan secara kolaboratif pelbagai pihak seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Perbadanan Kota Buku, institusi pendidikan serta penggiat industri penerbitan tempatan.

Pelbagai inisiatif seperti pameran buku, forum industri, program galakan membaca di sekolah dan sesi interaksi bersama penulis dianjurkan bagi menyemarakkan minat membaca serta memastikan budaya ilmu terus mekar dalam masyarakat.

Perkukuh ekosistem industri buku negara

Selain menyemarakkan budaya membaca, sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia turut berperanan memperkukuh keseluruhan ekosistem industri buku negara.

Di Malaysia, perkembangan sektor ini dipacu melalui pelbagai program dan inisiatif menyokong pembangunan industri penerbitan, antaranya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) dianjurkan MBKM sejak 1981, sekali gus menjadi platform penting merencanakan kegiatan perbukuan pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Bagi edisi 2026, PBAKL ke-43 bakal berlangsung dari 29 Mei hingga 7 Jun di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur, menampilkan kira-kira 1,172 reruai pameran menghimpunkan penerbit tempatan dan antarabangsa.

Menariknya, edisi kali ini mengangkat Arab Saudi sebagai Negara Fokus, manakala Pahang sebagai Negeri Tamu. Pendekatan ini membuka ruang kepada pengunjung menyelami perkembangan literasi, tradisi penerbitan serta warisan budaya

kedua-dua wilayah melalui pelbagai program intelektual yang disusun sepanjang pesta berlangsung.

Di sebalik kemeriahan dunia perbukuan, satu aspek tidak kurang penting ialah perlindungan terhadap karya intelektual dihasilkan pengkarya.

Dalam konteks sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, perlindungan hak cipta menjadi komponen penting dalam pembangunan industri buku negara.

Hak cipta bukan sahaja melindungi karya penulis daripada eksploitasi tanpa kebenaran, malah memastikan pengkarya memperoleh pengiktirafan serta nilai ekonomi sewajarnya daripada hasil kreativiti mereka.

Berdasarkan data terkini, aktiviti hak cipta di Malaysia menunjukkan perkembangan membe-rangsangkan. Pada 2024, Perbadanan Harta Intelek Malaysia merekodkan lebih 69,000 permohonan pendaftaran, dengan 9,363 diproses pada tahun sama, meningkat ketara berbanding 6,807 pada tahun sebelumnya.

Pada masa sama, pembayaran royalti dan lesen harta intelek kepada pemegang hak cipta luar negara mencecah sekitar RM10 bilion, sekali gus mencerminkan pertumbuhan pesat aktiviti pelesenan kandungan kreatif serta perdagangan hak cipta Malaysia pada peringkat global.

Hak cipta bukan sahaja melindungi karya penulis daripada eksploitasi tanpa kebenaran, malah memastikan pengkarya memperoleh pengiktirafan serta nilai ekonomi sewajarnya daripada hasil kreativiti mereka

Dalam memperkukuh ekosistem industri buku negara, Perbadanan Kota Buku berperanan sebagai pemangkin utama dalam perdagangan hak cipta.

Antara inisiatif penting digerakkan ialah Asian Rights Fair (ARF), sebelum ini dikenali sebagai Kuala Lumpur Trade and Copyright Centre.

Platform ini dianjurkan bersempena PBAKL kali ini sekali gus memperkukuh jaringan kerjasama serta peluang perdagangan hak cipta pada peringkat antarabangsa.

Penjenamaan semula ini mencerminkan komitmen strategik baharu untuk memperkukuh perdagangan hak cipta, di samping memperluas peminatan kepada ekosistem penerbitan semakin dinamik di rantau Asia.

Melalui ARF, Kuala Lumpur berpotensi menjadi hab serantau bagi pertukaran hak cipta, kerjasama penerbitan serta perkongsian pengetahuan dalam kalangan penerbit, ejen hak cipta dan pemain industri kreatif dari seluruh Asia.

Bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, UNESCO akan menamakan sebuah bandar sebagai Ibu Kota Buku Dunia sebagai pengiktirafan terhadap komitmennya memupuk budaya membaca dan memajukan industri buku.

Malaysia turut mencatat sejarah apabila Kuala Lumpur dipilih sebagai Kota Buku Dunia 2020, sekali gus mengangkat usaha negara ke pentas antarabangsa.

Akhirnya, perbincangan mengenai buku dan hak cipta tidak dapat dipisahkan daripada usaha membina budaya membaca yang kukuh. Kajian PNM menunjukkan rakyat kini membaca sekitar 15 hingga 20 buah buku setahun satu peningkatan positif meskipun sebahagian bacaan beralih ke platform digital.

Sehubungan itu, Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 diperkenalkan kerajaan menjadi langkah berterusan untuk membudayakan amalan membaca melalui pelbagai inisiatif literasi dan pembabit masyarakat. Budaya membaca bukan sekadar amalan peribadi, tetapi asas penting melahirkan bangsa berilmu, kreatif dan berdaya fikiran.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



